

EMOSI INDIVIDU GAY DALAM MENJALANI KEHIDUPAN

MUHAMAD HAZRUL BIN MD ESA

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian
Kaunseling

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2008

Projek bertajuk ‘Emosi Individu Gay dalam Menjalani Kehidupan’ telah disediakan oleh Muhamad Hazrul bin Md Esa dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kaunseling.

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....

(Puan Nor Hasniah Ibrahim)

Tarikh:

.....

Gred

PENGHARGAAN / ACKNOWLEDGEMENT

Setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan kepada Allah kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyelesaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada saya ini. Syukur atas segala nikmat kesihatan serta kesabaran yang Engkau curahkan, kerana tanpanya tidak mungkin tanggungjawab ini dapat diselesaikan. Sesungguhnya segala kebaikan dalam kajian ini adalah dariNya Yang Maha Esa dan segala kelemahan dan kekurangan, adalah dari kelalaian diri saya sendiri.

Sekalung penghargaan saya ucapkan buat penyelia saya, Puan Nor Hasniah Ibrahim dan Puan Jamayah Saili, yang telah banyak mencurahkan ilmu serta bantuan yang tidak pernah putus. Tanpa ilmu serta bantuan yang mereka berikan, tugas ini hanya akan menemui titik buntu. Terima kasih atas nasihat serta kata-kata semangat yang seringkali meniti di bibir mereka. Berbekalkan semangat serta nasihat itulah saya meneruskan tugas ini sesempurna mungkin.

Buat ayahanda Md Esa dan bonda Yuhana tercinta, jutaan terima kasih diucapkan atas sokongan yang tak pernah pudar dari kalian berdua. Terima kasih atas kasih sayang serta pengorbanan yang kalian berikan. Setiap senyuman, kebahagiaan serta kejayaan, hanyalah untuk kalian. Sememangnya tiada harta paling indah dan berharga buat saya selain dari kalian berdua. Terima kasih segalanya. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan khas buat kakak Norzila dan abang Hanafi yang bersedia menghulur tangan membantu tanpa mengira waktu. Jasa kalian berdua pasti tersemat dalam kalbu.

Sekalung penghargaan juga saya tujukan khas buat adik tersayang, Mohd Adiman Bin Hasli yang telah banyak memberikan pengorbanan tulus ikhlas buat diri ini. Sesungguhnya kasih sayang yang diberikan bagaikan nadi untuk saya terus melangkah mengecapi kebahagiaan dalam hidup. Terima kasih yang tak terhingga atas budi dan jasa yang telah adik curahkan. Semoga ukhwah yang kita bina ini, terus berkekalan sehingga ke akhir hayat.

Terima kasih juga saya tujukan khas buat sahabat tersayang, Ahmad Tarmizi Bin Sokri. Sesungguhnya persahabatan yang diberikan adalah bekal perjalanan kehidupan saya. Tanpa sokongan, dorongan dan persahabatan yang diberikan, pasti jalan-jalan kehidupan yang saya lalui bertambah suram dan sunyi. Jalinan persahabatan yang utuh ini tak mungkin bertahan tanpa pengorbanan dan keikhlasan yang diberikan. Terima kasih sahabat.

Tidak lupa juga buat teman, Nuraidah Binti Abdullah, yang setia menemani saat suka dan duka. Terima kasih atas kata-kata perangsang tatkala saya hampir-hampir memutuskan untuk menghentikan kajian ini dan bertukar pada tajuk kajian yang lain. Terima kasih kerana sentiasa memahami.

Tidak lupa juga, sejangbak penghargaan buat barisan pensyarah Jabatan Kaunseling, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak yang banyak memberikan bekalan ilmu selama ini. Buat Encik Rizal Abu Bakar, Puan Salmah Mohd Yusoff, Cik Amalia Madihie dan Profesor Madya Zuraidah Abd Rahman, jasa kalian amat bererti buat diri ini. Buat mentor yang banyak membantu, Puan Fatahyah Yahya, segala kata-kata manis yang diberikan, sememangnya memberikan impak positif dalam diri ini.

Buat teman-teman yang sering menghiburkan, Hishammudin serta Farah Dianti, terima kasih buat kalian. Juga buat rakan-rakan seperjuangan yang sudi memberikan dorongan serta kritikan atas tugas yang saya lakukan. Sedikit-sebanyak ia membantu saya menambah kekurangan yang ada dalam tugas ini.

Kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, terima kasih daun keladi. Bantuan anda amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

JADUAL KANDUNGAN / TABLE OF CONTENTS

Penghargaan/Acknowledgement	iii
Jadual Kandungan/Table of Contents	v
Senarai Gambarajah/List of Figures	vii
Abstrak/Abstract	x
<i>Abstract/Asbtrak</i>	xi

BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latarbelakang Kajian	1
1.2	Kenyataan Masalah	3
1.3	Objektif Utama Kajian	6
	1.3.1 Objektif Umum	6
	1.3.2 Objektif Khusus	6
1.4	Persoalan Kajian	7
1.5	Kerangka Konseptual	8
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Definisi Istilah	10
	1.7.1 Gay	10
	1.7.2 Emosi	10
1.8	Rumusan	11

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	12
2.1	Gay	12
2.2	Emosi	14
2.3	Rumusan	16

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	17
3.1	Kaedah Kajian	17
3.2	Sampel Kajian	18
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	18
	3.3.1 Temubual	18
	3.3.2 Analisis Data	19
	3.3.2.1 Pembersihan Data	19
	3.3.2.2 Memahami Data	19
	3.3.2.3 Mengkategorikan Data	20
3.4	Rumusan	20

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.0	Pengenalan	21
4.1	Dapatan Kajian	21
4.2	Latarbelakang Partisipan	23
	4.2.1 Partisipan 1	23
	4.2.1 Partisipan 2	24
4.3	Analisis Data	25
	4.3.1 Meneroka bagaimana mereka mengawal emosi yang lahir dalam diri mereka.	25
	4.3.2 Meneroka bagaimana caranya mereka berhadapan dengan keluarga, rakan-rakan dan masyarakat.	28
	4.3.3 Meneroka bagaimana identiti ini membebankan atau tidak membebankan hidup mereka.	31
	4.3.4 Meneroka bagaimana mereka menjelaskan akan hal identiti diri mereka kepada	35

	keluarga dan rakan-rakan.	
4.3.5	Meneroka bagaimana individu Gay ini berhadapan dengan rasa kesunyian atau rasa keseorangan dalam hidup mereka.	37
4.4	Kesimpulan	40

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	41
5.1	Rumusan Dapatan Kajian	41
5.1.1	Meneroka bagaimana mereka mengawal emosi yang lahir dalam diri mereka.	41
5.1.2	Meneroka bagaimana caranya mereka berhadapan dengan keluarga, rakan-rakan dan masyarakat.	42
5.1.3	Meneroka bagaimana identiti ini membebankan atau tidak membebankan hidup mereka.	43
5.1.4	Meneroka bagaimana mereka menjelaskan akan hal identiti diri mereka kepada keluarga dan rakan-rakan.	43
5.1.5	Meneroka bagaimana individu Gay ini berhadapan dengan rasa kesunyian atau rasa keseorangan dalam hidup mereka.	44
5.2	Limitasi Kajian	45
5.2.1	Limitasi Masa	45
5.2.2	Limitasi Partisipan	45
5.2.3	Limitasi Sorotan Literatur	46
5.3	Implikasi Kajian	46
5.3.1	Kaunselor	46
5.3.2	Masyarakat	47

	5.2.3	Keluarga Individu Gay	47
	5.2.4	Individu Gay	48
	5.2.4	Pengkaji	48
5.4		Cadangan	49
	5.4.1	Masyarakat	49
	5.4.2	Keluarga Individu Gay	50
	5.4.3	Individu Gay	50
	5.4.4	Kaunselor	50
	5.4.5	Pengkaji Akan Datang	51
5.5		Kesimpulan	51
RUJUKAN			53

SENARAI GAMBARAJAH / LIST OF FIGURES

Rajah 1

Kerangka Konseptual Kajian

7

ABSTRAK

EMOSI INDIVIDU GAY DALAM MENJALANI KEHIDUPAN

Muhamad Hazrul Bin Md Esa

Kajian yang bertajuk 'Emosi Individu Gay dalam Menjalani Kehidupan' ini menggunakan kaedah kualitatif sebagai kaedah kajian. Kaedah kualitatif bersesuaian dengan kajian ini yang memerlukan pengkaji mengkaji secara mendalam akan setiap aspek kajian. Kajian dijalankan di sekitar Kuching, Sarawak dengan melibatkan dua orang partisipan. Pengumpulan data kajian ini menggunakan kaedah temubual dan analisis data. Analisis data dijalankan dengan kaedah pembersihan data, memahami data dan mengkategorikan data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa individu Gay sering menangis dan memendam perasaan mereka seandainya mereka merasakan emosi negatif seperti rasa kesedihan atau kesunyian hadir dalam diri mereka. Individu Gay juga lebih terdorong untuk menyembunyikan identiti diri mereka ketika berhadapan dengan keluarga, rakan-rakan dan masyarakat. Dapatan kajian juga mendapati bahawa, individu Gay merasakan identiti diri mereka membebankan kehidupan mereka dari faktor halangan agama, adat resam budaya, konflik dalaman serta gangguan atau penderaan fizikal dan seksual. Individu Gay juga akan melindungi identiti diri mereka dari diketahui umum. Dapatan kajian juga mendapati individu Gay sememangnya terasing dan kesunyian dalam dunia mereka sendiri, dan mereka menghadapi kesunyian tersebut dengan menyendiri dan meluahkan perasaan terhadap diri sendiri. Konklusinya, individu Gay sememangnya menghadapi pelbagai emosi negatif sepanjang mereka menjalani kehidupan. Emosi negatif ini timbul dari faktor luaran seperti penerimaan masyarakat, gangguan seksual, pendedahan diri dan konflik dalam diri individu Gay itu sendiri. Kehidupan individu Gay penuh dengan kisah duka yang terpaksa disimpan dan dihadapi sendirian, tanpa bantuan, sokongan dan dorongan dari individu di sekeliling mereka.

ABSTRACT

EMOTIONS OF GAY INDIVIDUAL FACING THEIR LIFE

Muhamad Hazrul Bin Md Esa

This qualitative research is entitled 'Emotions of Gay Individual Facing Their Life'. Qualitative research method was used to make in-depth research. The research takes place around Kuching, Sarawak. Two participants take part in this research. The researcher used interview method and data analysis in data collecting. The researcher analyzes the data by cleaning the data, understanding the data and categorizing the data. The research findings show that Gay individual always cry and conceal their feelings if they face negative emotion such as sadness or loneliness. Gay individual also hide their self-identity when they are around their family, friends and community. Gay individual also feel that their self-identity burden their life. This thing happens because of the religious factor, culture, inner conflict and sexual harassment or sexual abuse. Gay individual also hide their self-identity from the others. Gay individual also feel alienation and loneliness in their own world. They face their loneliness by talking to themselves. As conclusion, Gay individual face a lot of negative emotions during their life. These negative emotions occur from outside factors such as community acceptance, sexual harassment, coming out and inner conflict towards themselves. Gay individual face their life which full of sadness, alone. They have to keep and face it alone, without help, support and actuation from the individuals around them.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Emosi merupakan salah satu aspek dalam kehidupan setiap manusia. Emosi ini akan dirasakan atau dialami oleh setiap individu bergantung pada situasi yang dihadapi oleh individu tersebut. Emosi lahir secara semulajadi tanpa paksaan. Menurut Mervelede, Bridoux dan Vandamme (2003), emosi tidak sepatutnya dikawal. Ia perlu sentiasa lahir secara semulajadi. Emosi juga adalah sesuatu yang benar.

Menurut Averill dan Nunley (1992), emosi dapat mempengaruhi diri individu serta masyarakat. Sebagai contoh, kasih sayang dapat memberikan kebahagiaan dan kesempurnaan kepada individu lain, kemarahan dapat mempertahankan diri dari pencabulan dan sindiran dari individu lain, dan ketakutan mengawal diri dari bahaya.

1.1 Latarbelakang Kajian

Orientasi seksual merujuk kepada jenis jantina bagi seseorang individu itu tertarik kepadanya secara emosi, fizikal, seksual dan romantik. Individu heteroseksual tertarik kepada kumpulan jantina berlawanan, manakala homoseksual pula tertarik kepada

sesama jantina ('Gay' merujuk kepada lelaki dan 'Lesbian' pula wanita), dan biseksual pula tertarik kepada kedua-dua jantina (Caroll, 2007).

Moses dan Hawkins (1986), menyatakan bahawa penerimaan terhadap individu atau golongan Gay dalam sejarah Barat adalah pelbagai bermula seawal tamadun purba Yunani dan Rom, di mana perlakuan yang memberahikan antara sesama jantina bukan sesuatu yang luar biasa, sehinggalah kepada penolakan dan penindasan terhadap golongan ini dalam zaman pertengahan dan abad ke-20. Namun, tanpa memikirkan akan tentangan tersebut, segelintir individu dalam setiap peringkat umur menjadi Gay, dan perbezaan yang sangat ketara antara zaman ini bukanlah kadar populasi individu Gay, tetapi bagaimana kecenderungan seksual ini disuarakan.

Fenomena Gay bukanlah sesuatu yang baru dalam kehidupan kita hari ini. Individu Gay boleh dijumpai di segenap pelosok dunia. Tingkahlaku sesama jenis ini ditemui di dalam setiap budaya, dan lazimnya ianya sama sahaja tidak kira sama ada bangsa tersebut menerima atau tidak golongan ini (Mihalik, 1988, dalam Caroll, 2007).

Sememangnya individu Gay ini boleh dijumpai di mana-mana negara di dunia, namun kesukaran untuk mengenalpasti golongan ini adalah bergantung kepada penerimaan masyarakat negara tersebut terhadap golongan ini. Golongan ini pastinya lebih mudah dilihat di Amerika Syarikat berdasarkan keterbukaan masyarakat negara tersebut terhadap individu Gay. Menurut Saad (1997, dalam Sullivan, 2000), 52 peratus penduduk Amerika Syarikat menerima Gay homoseksual sebagai salah satu gaya hidup manakala 48 peratus menolak.

Pengalaman menjadi individu Gay berbeza bergantung kepada umur, jantina, lokasi, bangsa, status sosial, penglibatan dalam gaya hidup Gay, dan sebagainya (Moses dan Hawkins, 1986). Gaya hidup golongan Gay hampir tidak pernah diakui oleh masyarakat bukan Gay sebagai alternatif yang diterimapakai dalam gaya hidup heteroseksual. Individu Gay dikelilingi dan dihujani dengan aspek-aspek gaya hidup golongan bukan Gay. Hampir tiada ruang dan tempat bagi golongan Gay ini untuk

diterima kehidupan mereka. Tiada iklan yang menggambarkan atau mewakili individu Gay (Moses dan Hawkins, 1986).

Individu Gay yang tidak tinggal dalam masyarakat yang menerima kepelbagaian gaya hidup, tidak akan terdedah untuk membina budaya hidup Gay (Moses dan Hawkins, 1986). Sebahagian individu Gay masih membesar dan hidup tanpa sokongan, kebanyakannya masih rasa terbuang dan bersendirian; kesemuanya di kelilingi oleh komuniti bukan Gay yang hanya memberikan golongan Gay ini sedikit sahaja ruang untuk diwakili, disahkan kehadiran mereka dan diberikan sokongan (Moses dan Hawkins, 1986).

Justeru, kajian ini akan mengupas dengan terperinci akan emosi individu dalam menjalani kehidupan dan berfokus kepada satu orientasi seksual seperti yang telah dinyatakan iaitu homoseksual. Kajian ini juga meletakkan fokus kepada topik ‘Gay’.

1.2 Kenyataan Masalah

Caroll (2007), menerangkan mengenai perasaan individu Gay dalam ayat ini:

“Bayangkan semasa rakan-rakan anda sedang bercerita mengenai jantina berlawanan, temujanji, dan seks, anda melalui set emosi atau perasaan yang sememangnya berbeza dari mereka. Anda berfikir, mengapa anda tidak dapat menyertai perbualan tersebut? Mengapa anda tidak merasai tarikan yang rakan-rakan anda rasai? Dan kemudian, pada masa yang sama dalam fasa awal remaja anda, anda mula perasan mengapa anda merasai perbezaan dari rakan-rakan anda. Tiba-tiba anda faham bahawa segala model kehidupan yang anda tidak endahkan selama ini tidak berkesan untuk diri anda. Anda mula melihat model lain yang menjelaskan hidup dan perasaan anda – dan ia tiada di sana. Faktanya, tanpa anda sedari masyarakat memberitahu anda bahawa anda adalah berbeza – dan terpesong, berdosa, melanggar undang-undang dan menjijikkan. Dan

sekarang, apa yang perlu anda lakukan? Siapa yang akan anda cari? Bagaimana anda ingin memberitahu seseorang akan rahsia anda yang begitu dalam dan menyakitkan?''.

Berpandukan kenyataan ini, kajian ini ingin mendalami emosi individu Gay. Banyak perkara akan berlaku dalam kehidupan mereka dan persoalannya perasaan apakah yang akan mereka rasai sepanjang kehidupan mereka. Cabaran khusus bakal dihadapi oleh individu yang percaya dirinya adalah Gay, termasuklah keperluan untuk mengukuhkan identiti diri dan memperkatakannya kepada semua, dikenali sebagai pendedahan diri (Caroll, 2007).

Pendedahan diri tidak berlaku hanya semalam; bagi sesetengah individu, menjadi seorang Gay mungkin bererti bagai membongkar kehidupan yang berbeza kepada keluarga, rakan-rakan dan orang yang tidak dikenali dalam konteks yang berbeza (Hoffman, 2005, dalam Caroll, 2007). Memikirkan bagaimana untuk memberitahu rakan-rakan dan keluarga adalah sesuatu keputusan yang sukar. Mengetahui akan identiti diri sebagai individu Gay amat menyakitkan dan mengelirukan (Caroll, 2007).

Dan apabila kanak-kanak lelaki tersebut semakin membesar dan semakin tahu akan tarikan sesama jantinya, dia akan menyembunyikan perasaannya. Hal ini disebabkan tidak selamat baginya untuk memberitahu sesiapa sahaja akan perasaannya, dia akan menderita akibat tersisih dan terasing. Hal ini mungkin akan diperkukuhkan lagi dengan interaksi negatif bersama bapa dan rakan-rakan lelaki yang lain, yang akan menyifatkannya sebagai bukan lelaki sekiranya dia tidak berminat terhadap perempuan (Isensee, 1991).

Kajian ini ingin membawakan fokus berkenaan emosi individu Gay dalam aspek pendekatan yang digunakan dalam menghadapi kehidupan mereka, rakan-rakan, keluarga dan sebagainya. Emosi yang pelbagai bermain dalam jiwa individu Gay seiring dengan langkah mereka menjalani kehidupan.

Melihat kepada tulisan Isensee (1991), pelbagai perkara berlaku ke atas individu Gay iaitu homophobia dan perasaan malu, malu dari aspek agama, menyalahkan diri sendiri, dan pembentukan nilai diri yang negatif. Nilai diri negatif ini menjurus kepada beberapa jenis nilai diri iaitu agresif, memberontak, penyesuaian diri yang keterlaluan, menyisih dan menjauhkan diri, dan ketaksuban serta kebencian. Kesemua perkara ini pasti akan menjurus mereka ke arah emosi yang negatif. Perkara ini boleh berlaku dalam pelbagai cara dan ia juga boleh berlaku dalam cara yang sangat mudah. Remaja Gay mungkin jatuh cinta pada sahabat baiknya tanpa mengetahui bahawa perasaan tersebut boleh dikategorikan sebagai homoseksual. Namun, apabila dia menyedari akan perkara tersebut, dia akan mengalami konflik yang hebat tentang imej dirinya.

Kanak-kanak lelaki homoseks yang menyedari akan tingkahlaku dan keinginannya yang seakan-akan wanita, akan lebih berhati-hati dan fokus pada dirinya. Rakan-rakan serta ibu bapa kanak-kanak ini akan menyebabkan kanak-kanak ini merasa berbeza dari kanak-kanak lelaki yang lain, seterusnya akan menyisihkan dirinya. Kanak-kanak ini akan merasa tersisih dan terasing sebelum dia memahami bahawa dirinya adalah individu homoseks. Seandainya kanak-kanak ini menunjukkan tingkahlaku yang membolehkan dirinya dilihat sebagai individu homoseks, ibu bapanya akan cuba menghapuskan identiti tersebut. Ibu bapa kanak-kanak tersebut juga secara emosi akan membiarkan dan mengutuk kanak-kanak tersebut di saat dia benar-benar memerlukan sokongan dan empati dari ibu bapanya (American Psychiatric Association, 1994; Bailey & Zucker, 1995, Green, 1987, dalam Greenan dan Tunnell, 2003).

Justeru, kajian ini membincangkan akan emosi yang lahir dalam diri individu Gay sepanjang kehidupan mereka. Kajian juga akan melihat bagaimana individu Gay ini berhadapan dengan emosi termasuk konflik-konflik dalam diri mereka. Pengkaji terpanggil untuk membuat kajian ke atas topik ini disebabkan isu Gay tidak banyak diperbincangkan dewasa ini walaupun fenomena Gay bukanlah sesuatu yang baru lagi.

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang membincangkan tentang individu Gay, kajian lebih tertumpu kepada perkara yang berlaku ke atas individu Gay. Kajian-kajian

lepas juga membincangkan akan kehidupan individu Gay yang terkeluar dari norma masyarakat dan lebih banyak membincangkan secara negatif kehidupan individu Gay ini. Tiadanya kajian yang membincangkan emosi individu Gay secara terperinci dan ini semakin mengasingkan individu Gay dari masyarakat. Justeru, kajian ini akan membincangkan dengan terperinci akan emosi individu Gay dalam mereka menjalani kehidupan.

1.3 Objektif Utama Kajian

Pengkaji menggariskan objektif kajian ini dalam dua bahagian iaitu objektif umum dan objektif khusus.

1.3.1 Objektif Umum

Objektif umum yang kajian ini adalah untuk mendalami emosi individu Gay dalam menjalani kehidupan seharian.

1.3.2 Objektif Khusus

- i.) Meneroka bagaimana mereka mengawal emosi yang lahir dalam diri mereka.
- ii.) Meneroka bagaimana caranya mereka berhadapan dengan keluarga, rakan-rakan dan masyarakat.
- iii.) Meneroka bagaimana identiti ini membebankan atau tidak membebankan hidup mereka.
- iv.) Meneroka bagaimana mereka menjelaskan akan hal identiti diri mereka kepada keluarga dan rakan-rakan.
- v.) Meneroka bagaimana individu Gay ini berhadapan dengan rasa kesunyian atau rasa keseorangan dalam hidup mereka.


1.4 Persoalan Kajian

Dewasa ini, semakin ramai individu Gay wujud di negara ini. Namun, faktanya diselindungi atas sebab budaya negara ini yang agak tertutup untuk membincangkan isu seksual secara terbuka. Individu Gay ini ditinggalkan sendirian untuk menghadapi kehidupan dan emosi mereka. Ini bukanlah sesuatu yang sihat sedangkan mereka sebenarnya mencari bantuan dari masyarakat bagi membantu menghadapi permasalahan yang membelenggu kehidupan mereka. Individu Gay ini sememangnya menghadapi emosi yang pelbagai sepanjang kehidupan mereka.

Melalui maklumat yang ditemui, pengkaji memikirkan beberapa persoalan kajian iaitu;

- a) Bagaimana individu Gay mengawal emosi yang lahir dalam diri mereka?
- b) Bagaimana individu Gay berhadapan dengan keluarga, rakan-rakan dan masyarakat?
- c) Adakah identiti diri sebagai individu Gay membebankan atau tidak membebankan kehidupan mereka?
- d) Bagaimana individu Gay menjelaskan akan hal identiti diri mereka kepada keluarga, rakan-rakan dan masyarakat?
- e) Bagaimana individu gay berhadapan dengan rasa kesunyian dan rasa keseorangan?

1.5 Kerangka Konseptual



Rajah 1 : Kerangka Konseptual Kajian

1.6 Kepentingan Kajian

Maklumat yang telah dikumpul dalam kajian ini akan membantu golongan kaunselor serta ahli masyarakat untuk memahami emosi individu Gay menerusi aspek seperti kesunyian atau keseorangan, perhubungan dengan keluarga, perhubungan dengan rakan-rakan, perhubungan dengan masyarakat dan kesedihan. Memahami akan emosi individu Gay akan membantu kaunselor memastikan bahawa golongan ini memerlukan khidmat kaunseling dan sokongan. Maklumat ini juga akan membantu kaunselor mencari cara terbaik membantu individu Gay bertahan dalam kehidupan mereka, sebagai seorang manusia. Tidak kira apapun matlamat yang ditetapkan, mengubah orientasi seksual ataupun untuk kehidupan yang lebih bermakna, kita sebagai anggota masyarakat harus membantu mereka menghadapi kehidupan mereka.

Kajian ini juga penting bagi memberitahu setiap individu bahawa golongan Gay ini wujud dalam komuniti kita. Dan komuniti harus membantu mereka menghadapi permasalahan dan kehidupan mereka. Isensee (1991) menyatakan bahawa individu Gay mencari sokongan dari individu di sekeliling mereka namun kebiasaannya mereka tidak menyuarakannya. Mereka perlukan sokongan dari seseorang yang mempunyai perhubungan dengan mereka seperti rakan dan keluarga.

Dari sudut keluarga individu Gay, kajian ini memberi peluang kepada mereka untuk memahami dengan lebih mendalam akan emosi individu Gay. Kajian ini akan memberikan ruang kepada mereka untuk menerima individu Gay yang lahir dalam keluarga mereka dengan memberikan sokongan dan galakan, dan bukan mengasingkan golongan ini. Golongan Gay ini membina komuniti mereka sendiri seandainya diasingkan dari keluarga. Seandainya golongan ini tidak diterima dalam keluarga, golongan ini akan terus berada dalam dunia mereka tanpa kawalan. Justeru, kajian ini dapat memberikan ruang kepada keluarga untuk menerima individu Gay seterusnya mengawal kehidupan mereka dari terus menjalani kehidupan yang songsang.

Kajian ini juga penting bagi individu Gay itu sendiri sebagai satu platform kepada mereka meluahkan emosi yang mereka rasai. Kajian ini akan memberikan peluang kepada individu Gay ini untuk lebih difahami dan diterima oleh orang-orang sekeliling mahupun anggota masyarakat. Justeru, kajian ini penting bagi individu Gay sebagai permulaan bagi kehidupan yang lebih bermakna di kelilingi keluarga sendiri.

Bagi pengkaji sendiri, kajian ini difikirkan penting kepada pengkaji sebagai kaunselor pelatih ataupun bakal kaunselor. Kajian mengenai individu Gay masih kurang di Malaysia walaupun hakikatnya golongan sebegini semakin ramai. Kajian ini penting bagi pengkaji untuk memahami secara mendalam akan emosi individu Gay.

1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Gay

Definisi konseptual

Menurut Renzetti dan Curran (2000), homoseksual adalah orientasi seksual individu yang cenderung untuk tertarik, rangsangan seksual dan kepuasan seksual terhadap individu sama jantina. Istilah Gay merujuk kepada lelaki homoseks.

Definisi operasional

Individu Gay ini adalah individu berjantina lelaki yang berperwatakan seperti lelaki, memakai pakaian lelaki dan menjalani hidup seperti seorang lelaki namun terangsang secara seksual terhadap individu lelaki yang lain.

1.7.2 Emosi

Definisi konseptual

Averill dan Nunley (1992) menyatakan bahawa emosi adalah sesuatu yang menjelaskan urusan, seperti kasih sayang, perasaan marah, ketakutan, dan kesedihan, yang dialami melewati kawalan diri (sifat pasif), merangkumi penilaian diri (sifat subjektif) dan/atau tidak bersedia diterangkan dalam konteks logik (ketidakwajaran).

Definisi operasional

Emosi didefinisikan sebagai perasaan yang lahir dalam diri individu hasil dari tindakbalas akibat dari sesuatu peristiwa atau keadaan seperti marah, sedih, gembira, ketakutan dan sebagainya.

1.8 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini telah membicarakan pengenalan mengenai kajian yang dijalankan. Bab ini juga menyentuh mengenai latarbelakang kajian, kenyataan masalah serta objektif kajian. Objektif kajian terbahagi kepada dua iaitu objektif umum dan objektif khusus.

Bab ini juga menyentuh mengenai persoalan kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian serta definisi istilah. Definisi istilah ini disentuh agar pengkaji lebih memahami akan kajian yang dijalankan.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab ini akan membicarakan mengenai sorotan literatur topik kajian. Ia menekankan makna atau pengertian akan perkataan yang digunakan dalam tajuk seperti Gay dan emosi.

2.1 Gay

Sullivan (2000), menyatakan bahawa homoseksual adalah perasaan seksual, tarikan dan perlakuan yang mengarah kepada individu sama jantina. Hal ini diperjelaskan lagi oleh Carroll (2007), yang menyatakan bahawa homoseksual bermaksud perhubungan seksual antara individu yang sama jantina. Orientasi seksual mereka adalah berbeza dengan individu normal yang lain dan dikenali sebagai orientasi seksual sama jantina. Perkataan Gay merujuk kepada individu lelaki yang tertarik secara emosi, fizikal, seksual dan romantik kepada lelaki yang lain. Savin-Williams (1987, dalam Savin-Williams, 1990), pula menyatakan bahawa orientasi seksual golongan homoseks terdiri daripada perasaan seksual dan berahi, pemikiran, fantasi, dan/atau perlakuan yang bernafsu berahi terhadap individu sama jantina.

Perbezaan orientasi seksual yang ditemui dalam diri individu Gay didakwa timbul disebabkan oleh perbezaan fisiologikal dan biologikal. Perbezaan ini berkemungkinan dari aspek genetik, hormon iaitu faktor pranatal dan tahap hormon dewasa, kelahiran, dan fisiologi (Caroll, 2007). Ramai di antara individu Gay ditemui lahir lewat dari adik-beradik mereka dan mempunyai abang, tetapi bukan kakak (Blanchard, 2004; Camperio-Ciania et al, 2004; Ridley, 2003, dalam Caroll, 2007).

Moses dan Hawkins (1986), menyatakan bahawa kesedaran akan orientasi seksual dalam diri individu Gay timbul umumnya pada masa yang sama seperti individu orientasi heteroseksual. Kebanyakan dari mereka menyedari orientasi seksual Gay semasa mereka berumur 9 hingga 15 tahun, namun sebahagiannya tidak menyedari akan orientasi homoseksual mereka sehingga mereka berumur akhir 20 tahun atau 30 tahun. Kira-kira satu per tiga daripada golongan ini dilaporkan menyedari perkara tersebut sebelum berusia 10 tahun, namun majoritinya mula sedar akan tarikan seksual mereka terhadap lelaki semasa baligh dan dalam zaman remaja.

Dalam konteks Islam, Malik (1997) menyatakan, dalam kitab suci Al-Quran dijelaskan bahawa kaum Nabi Luth sebagai manusia pertama yang melakukan perbuatan seks sesama jenis. Sebuah kisah dalam Al-Quran menceritakan perihal dua malaikat yang menyerupai lelaki telah diutus kepada Nabi Luth. Kaum Nabi Luth mendesak supaya dua lelaki tetamu Nabi Luth itu diberikan kepada mereka. Namun, Nabi Luth enggan menuruti kemahuan songsang mereka sehinggakan sanggup menawarkan dua anak gadisnya untuk dinikahi mereka. Al-Quran menjelaskan bahawa terdapat ramai wanita Sodom tidak bersuami disebabkan kaum lelaki lebih terdorong untuk melakukan seks sesama jantina. Kaum Nabi Luth yang berdosa itu telah dibutakan dan negara Sodom diterbalikkan sehingga hilang dari muka bumi, hanya meninggalkan kenangan hitam dan nama yang begitu sinonim dengan homoseksualiti.

Malik (1997) juga menjelaskan bahawa larangan akan hubungan seks sesama jenis ini sememangnya amat ditekankan. Dalam konteks hubungan suami isteri juga, dua jenis hubungan seks dilarang iaitu hubungan seks melalui faraj semasa isteri sedang haid